

12 NOV 1998

APEC-BERITA-PESTA/I

PESTA DAGANGAN APEC DIJANGKA PUNGUT RM100 JUTA

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Kira-kira RM100 juta akan diperolehi daripada Pesta Dagangan Antarabangsa Apec selama empat hari, yang akan bermula di Pusat Pameran Mines esok, di sini.

Pengurus Besar Reed Exhibition Sdn Bhd Steven Thong berkata seramai 350 syarikat akan menyertai pameran, termasuk 76 syarikat Malaysia, pameran itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Pameran itu diadakan bersesuaian dengan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang berlangsung dari 12 Nov hingga 18 Nov, iaitu mesyuarat peringkat tinggi yang membabitkan pegawai kanan, para menteri dan ketua-ketua negara Apec.

Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bertanggungjawab terhadap pesta itu, dengan FMM Services Sdn Bhd dan Reed Exhibition masing-masing sebagai penganjur dan pengurus acara.

Thong berkata syarikat itu mengambil masa setahun untuk menyediakan pameran itu yang bertemakan "Meningkatkan Persaingan Global Melalui Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia."

"Kita mahu mereka mengambil peluang ini untuk membuat hubungan perniagaan dan perkongsian pintar," katanya.

Di antara syarikat Malaysian yang mengambil bahagian ialah Petronas, DRB-Hicom Group, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations, Kumpulan Renong, Southern Bank Bhd, Celcom Malaysia Sdn Bhd dan Nestle Products Sdn Bhd.

Syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat, Peru, Russia, Korea Selatan, China dan New Zealand juga turut mengambil bahagian.

Pameran itu dibuka dari pukul 10 pagi hingga pukul 7 malam setiap hari.

Kira-kira 20,000 pelawat termasuk pembeli dari seberang laut dijangka mengunjungi pameran itu, katanya.

Pameran itu meliputi barangan dan perkhidmatan dari automatif, makanan dan minuman, barangan penjagaan kesihatan hingga ke sektor pelancongan.

Thong berkata lawatan ke Taman Teknologi Malaysia dan seminar berkaitan peluang pelaburan adalah antara kegiatan yang akan diadakan untuk para peserta pameran.

"Kita juga akan mempertemukan syarikat tempatan, bagi mengadakan usaha sama, dengan syarikat asing," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kumpulan komunikasi DRB-Hicom V. Kanesan, semasa ditemui di gerai DRB, berkata teknologi berkaitan kejuruteraan Lotus dan proto-taip Proton akan dipamerkan bersama-sama dengan kereta kebangsaan Proton, truk DRB dan motosikal Modenas.

Para pelawat juga akan berpeluang untuk melihat lebih dekat kereta Proton Perdana V6 dan Satria GTi, yang baru dilancarkan hari ini.

-- BERNAMA

NZ YBY RI